

# Malaysia perlu teroka teknologi baru - Najib

**Walaupun masih lagi jauh daripada apa yang disasarkan dalam aspek kemajuan serta Pembangunan sains dan teknologi,**

**Malaysia yakin dapat mencapainya melalui kerja keras yang berterusan**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Timbalan  
Perdana Menteri

**PUTRAJAYA** 2 Nov. - Malaysia perlu bersedia meneroka bidang teknologi baru dengan nilai tambah yang boleh membawa pulangan pelaburan tinggi, jika mahu terus kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan di kalangan pemain teknologi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah itu juga akan membolehkan Malaysia kekal sebagai peneraju dalam penguasaan bidang teknologi sekali gus membolehkannya bersaing pada peringkat global.

"Penguasaan dalam bidang teknologi adalah satu usaha berterusan dan kita tidak akan cepat berpuas hati dengan apa juga yang dicapai setakat ini," katanya ketika berucap merasmikan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Tantalum Kulim secara maya dari sini hari ini.

Majlis perasmian jarak jauh itu turut dihadiri Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaluddin Jarjis serta Ketua Eksekutif Rolls-Royce, Sir John Rose.

Pusat R&D Tantalum Kulim itu dibangunkan secara usaha sama oleh Rolls-Royce dan Metalysis (M) Sdn. Bhd.

Ia sebahagian daripada peraturan timbal balas Kerajaan Malaysia ekoran pemerolehan enjin Trent 900 Rolls Royce bagi enam pesawat A380.

Pemindahan teknologi itu akan turut melibatkan penyertaan beberapa agensi kerajaan seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Sirim Berhad.

Najib yakin kemudahan di pusat tersebut bakal menempatkan Malaysia di hadapan banyak negara dalam pembangunan tantalum bagi aplikasi industri berteknologi tinggi.

Tantalum adalah logam bernilai tinggi yang digunakan sebahagian besarnya dalam bentuk serbuk bagi pengeluaran komponen elektronik seperti telefon mudah alih, komputer peribadi dan kenderaan bermotor.

Menurut Najib, walaupun masih lagi jauh daripada apa yang disasarkan dalam

aspek kemajuan serta pembangunan sains dan teknologi, Malaysia yakin dapat mencapainya melalui kerja keras yang berterusan.

Katanya, Malaysia juga merasa bertuah kerana mempunyai rakan usaha sama dari seluruh dunia yang terus memberi keyakinan terhadap keupayaan negara.

Sehubungan itu, kata Timbalan Perdana Menteri, kerajaan akan terus memberi sokongan ke atas segala inisiatif sains dan teknologi yang diyakini dapat membawa banyak faedah kepada negara.

Antaranya, kata beliau, meneruskan pelaburan besar ke atas pendidikan dan latihan yang ada hubung kait dengan bidang itu yang turut menjadi sebahagian daripada usaha membangunkan modal insan berkualiti.

"Pada masa yang sama, kita juga telah mengambil beberapa langkah kritikal termasuk memberi pengecualian cukai, memudahkan pinjaman serta geran untuk projek berkaitan sains dan teknologi," katanya.

Menurut beliau lagi, antara tahun 2000 hingga 2005 perbelanjaan untuk tujuan R&D telah meningkat lebih dua kali ganda kepada RM4.6 bilion (AS\$1.2 bilion).

Tidak lama lagi ia akan dapat menyumbang sebanyak satu peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan meningkat kepada peratus dalam tempoh empat tahun akan datang," ujarnya.

Pada masa yang sama, kata beliau, kerajaan mewujudkan tiga lagi dana R&D yang baru bagi menyokong kerja penyelidikan mengkomersialkan produk sokongan selain memupuk bakat inovasi.